

Suburkan budaya keusahawanan

► Hari Koperasi Sekolah SMK Labuan

LABUAN: Koperasi sekolah menyediakan murid-murid dengan peluang menimba pengalaman dalam bidang perniagaan.

Ini secara langsung juga dapat memberi impak kepada pembangunan sifat-sifat positif murid seperti rajin, jujur, bekerjasama dan komited terhadap tanggungjawab yang diberi.

Pengerusi Perhubungan Angkatan Negeri Sabah Datuk Hajah Noraini Datuk Seri Panglima Hj Salleh berkata demikian ketika merasmikan Hari Koperasi Sekolah (HKS) SMK Labuan yang diadakan di Dewan Mutiara sekolah itu pada Ahad lalu.

Turut hadir Pengetua SMK Labuan Ismail Abdullah, Penolong Pengarah Unit Kurikulum Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Jaafar Matusin dan Yang Dipertua PIBG SMK Labuan Haji Md Yusof Haji Chuchu.

Hadir sama Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Labuan Azmaniansyah Bachok dan Ketua Peladang Muda, Pertubuhan Peladang Kawasan Labuan Selatan Yantie Bakir.

Hari Koperasi SMK Labuan 2019 dari pukul 7 pagi hingga 2 petang itu menyediakan pelbagai aktiviti dan pengisian seperti Koop Run 5km (disertai oleh



240 peserta), gerai jualan (46 gerai), pameran pelbagai agensi dan organisasi (17 pempamer), aktiviti kitar semula dengan kerjasama Perbadanan Labuan dan derma darah dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Labuan.

Selain itu, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan petanque dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan WP Labuan, pertandingan karya penulisan, pertandingan melukis untuk pelajar, pertandingan karaoke dan ceramah pendidikan keusahawanan dengan

kerjasama PNB dan lawatan kemasyarakatan yang telah diadakan lebih awal pada dua minggu lepas.

Sementara itu, Pengetua SMK Labuan Ismail Abdullah berkata, pihak sekolah komited dengan peranan koperasi sekolah iaitu membantu membangunkan modal insan yang kompetitif serta berpotensi untuk memperkukuhkan bidang keusahawanan negara.

Katanya, Koperasi SMK Labuan Berhad berazam untuk terus memberi sumbangan positif kepada sekolah amnya dan kepada murid-murid khususnya.



(Gambar atas) DARI kiri; Kitli, Jaafar, Azmaniansyah, Ismail, Noraini, Md Yusof, Saminan dan Yantie.

(Gambar kiri) NORAINI yang diiringi Saminan (kiri) dan Ismail melawat gerai jualan.

"Ini juga secara kolektifnya akan memberi sumbangan kepada kemajuan gerakan koperasi di peringkat nasional," katanya.

Tambah Ismail, jumlah jualan Koperasi SMK Labuan Berhad bagi tahun berakhir 31 Mac untuk tiga tahun terakhir semakin meningkat iaitu pada 2017 RM320,348.55, 2018 RM391,220.59 dan 2019 RM 407,925.63.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pameran-pameran serta aktiviti kitar semula yang merupakan aktiviti yang menyumbang kepada penyuburan sikap menghargai alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

Pada majlis itu, pelajar 4 Gigih Kizzer Poh dan Siti Nordiana Abdullah (5 Harmoni) masing-masing dinobatkan sebagai Koperator Lelaki Terbaik dan Koperator Perempuan Terbaik sekaligus menerima Anugerah Khas.

"Terima kasih dan penghargaan saya kepada semua guru dan pelajar yang terlibat menjayakan Hari Koperasi SMK Labuan 2019.

"Saya yakin mereka akan mendapat ilmu dan pengalaman baru dalam urusan perniagaan dan keusahawanan," kata Ismail lagi.



KIZZER Poh menerima Anugerah Khas Koperator Lelaki Terbaik daripada Noraini sambil diperhatikan Ismail.



KOPERATOR Perempuan Terbaik, Siti Nordiana menerima Anugerah Khas daripada Noraini.



JAAFAR (dua kanan) bersama Kitli Beka (tiga kiri) menyampaikan hadiah johan petanque.